

Pindaan Interlok diketahui dalam tempoh sebulan

PUTRAJAYA: Bentuk pindaan terhadap novel Interlok akan diketahui dalam tempoh sebulan, dengan mengambil kira integriti penulis, kata Pengarah Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin.

Shamsul Amri yang juga Pengerusi badan bebas mengkaji pindaan novel terabit berkata, keputusan itu diambil selepas panel berkenaan bersidang buat kali pertama di Kementerian Pelajaran, di sini, semalam.

"Tiada tempoh ditetapkan untuk mengenal pasti bentuk pindaan yang ingin dilakukan, tetapi kita mahu cepat dilaksanakan kerana perkara ini tidak boleh dibiarkan terlalu lama, yang lama-lama ini benda jeruk, tapi ada benda jeruk tak boleh pakai, jadi saya rasa kena dilakukan dengan segera dalam tempoh masa berpatutan.

"Mungkin dalam masa sebulan. Jika ikut 'mood' perbincangan hari ini (semalam), maksimum masa diperlukan untuk mengetahui bentuk pindaan adalah sebulan dari tarikh hari ini," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat terabit di sini.

Antara ahli lain dalam panel berkenaan adalah isteri penulis, Datin Siti Saroja Basri; Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk TerTeruzzi



BINCANG...Shamsul Amri berbincang dengan Siti Saroja selepas pertemuan panel.

Abd Aziz, wakil Gabungan Penulis Nasional (Gapena), Prof Datuk Zainal Abidin Borhan, pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Lim Swee Tin, Pengarah Pusat Pendidikan Global Aminuddin Baki, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Dr NS Rajendran, bekas pegawai kementerian, G Krishnabahawan dan penulis Utjaya Shankar SB.

Shamsul Amri berkata, pertemuan kali pertama antara panel itu juga berlangsung juga bersetuju untuk mempertahankan integriti penulis, walaupun pindaan

akan dilakukan terhadap novel berkenaan.

"Saya rasa perjumpaan hari ini tetap meletakkan penulis sebagai seorang yang penting dan mesti dihormati, serta integritinya mesti dipertahankan.

"Jangan bunuh seseorang penulis (lirik), hanya kerana tidak sukakan lagunya. Isunya di sini adalah kandungan novel berkenaan, bukan penulisnya. Jadi kita akan membincangkan kandungannya bukan sama ada penulis itu bagus atau tidak bagus.

"Itu bukan kerja kita untuk menjatuhkan penulis, jadi apabila kita bincang tadi, kita tekankan supaya integriti penulis perlu diambil kira," katanya.